



**UNTUK SIARAN SEGERA**

## **SIARAN MEDIA**

---

### **GERAN DIGITAL PMKS MADANI (GDPM) FEST 2025 PERKASA PENERAPAN PENYELESAIAN TEKNOLOGI MASA HADAPAN PMKS SABAH**

**KOTA KINABALU, 24 Ogos 2025** – Sabah menjadi destinasi ketiga dan yang terakhir selepas Johor dan Pahang dalam penganjuran Geran Digital PMKS MADANI (GDPM) Fest 2025 yang berlangsung hari ini. Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Infrastruktur Telekomunikasi) Kementerian Komunikasi, Encik Mano Verabathran.

Penganjuran program ini mencerminkan komitmen kerajaan untuk memastikan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), khususnya dalam sektor kesihatan di seluruh negara termasuk di Sabah, tidak ketinggalan daripada arus kemajuan teknologi.

Selain itu, program ini juga bermatlamat untuk memperkasa penerapan penyelesaian teknologi masa hadapan dalam kalangan PMKS Sabah, khususnya dalam sektor kesihatan selain membentuk ekosistem penjagaan kesihatan yang lebih cekap dan inklusif bagi mempersiapkan mereka dalam menghadapi cabaran mendatang.

Pemilihan Sabah sebagai salah satu lokasi GDPM Fest 2025 didorong oleh potensi dan daya saing komuniti tempatan yang unik serta kedudukannya sebagai negeri pemangkin kesihatan masa hadapan susulan pengumuman YAB Perdana Menteri di Tawau mengenai penghantaran ubat menggunakan dron di Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) serta pengumuman kolaborasi strategik antara Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam mempertingkatkan penggunaan teknologi baharu dalam sektor kesihatan.

GDPM Fest 2025 membawa inisiatif ini ke akar umbi melalui pendekatan yang lebih dekat dengan komuniti perubatan dan usahawan kesihatan tempatan. MCMC turut bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi meningkatkan kesedaran berkaitan *Guideline on Online Healthcare Services* (OHS), satu usaha penting dalam memastikan penggunaan platform kesihatan masa hadapan yang selamat, bertanggungjawab dan beretika.

MCMC yakin kerjasama dengan pelbagai rakan strategik dapat membantu menyatukan peranan sektor awam dan swasta dalam memperkukuh ekosistem kesihatan negara selain mengubah pengalaman penjagaan kesihatan rakyat Sabah.

Program ini turut dihadiri oleh para pegawai kanan MCMC dan rakan-rakan strategik seperti Kementerian Kewangan Malaysia, Bank Simpanan Nasional, Persatuan Perubatan Malaysia, Persatuan Farmasi Malaysia, penyedia perkhidmatan serta rakan-rakan penyedia teknologi kesihatan masa hadapan.

**Dikeluarkan oleh:  
Komunikasi Korporat MCMC**